

# **KAITAN FAKTOR PENYUMBANG DENGAN KECEMERLANGAN AKADEMIK PELAJAR ASRAMA HARIAN**

Haji Meor Ibrahim bin Kamaruddin & Nuremelia binti Mohamad Rawan  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia.

**ABSTRAK** : Kecemerlangan akademik merupakan matlamat utama semua pelajar. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti apakah kaitan faktor sikap, motivasi, rakan sebaya dan program pembelajaran asrama dengan kecemerlangan pelajar asrama harian. Kajian berbentuk deskriptif ini melibatkan sampel 61 orang pelajar tingkatan 4 dari empat buah asrama sekolah menengah kebangsaan harian di daerah Johor Bahru. Instrumen kajian yang digunakan mengandungi 32 item yang berdasarkan kepada skop kajian. Kebolehpercayaan soal selidik ini telah diuji ( $\alpha = 0.8827$ ) manakala keesahan item-item diperolehi menerusi perbincangan dengan pakar. Data-data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 10.0. Dapatan kajian mendapati secara keseluruhannya kesemua faktor yang dikaji mempunyai kaitan dengan kecemerlangan pelajar asrama harian. Beberapa cadangan telah dikemukakan untuk meningkatkan lagi prestasi pelajar-pelajar ini. Hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada pihak-pihak yang berkenaan bagi meningkatkan prestasi pelajar-pelajar asrama.

**ABSTRACT** : Excellent achievement is the main aim by all students. This research was carried out to identify how attitude, motivation, friends, and hostels' learning programs correlate with academic achievement of hostels' students in secondary schools. The 61 form 4 students from four secondary schools in Johor Bahru were involved as samples. A set of questionnaires consisted of 32 items which based on the scope was used as research. The reliability of the questionnaires ( $\alpha = 0.8827$ ). The questionnaires was validated by experts. Collected data were analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 10.0. The research findings showed that all the factors have influenced the academic achievement of the hostels' students. Several suggestions were made to enhance the academic achievement of the hostels' students.

Katakunci : Statistical Package for Social Science (SPSS), academic achievement.

## **PENGENALAN**

Kewujudan sekolah bukan sahaja tempat untuk menyampaikan ilmu pengetahuan semata-mata tetapi untuk menanamkan nilai murni, mengekalkan peraturan masyarakat, menanamkan sikap dan pemikiran yang positif sesuai dengan perkembangan dan kemajuan negara. Sekolah sepatutnya mengadakan satu keadaan alam sekeliling yang bertujuan untuk menghasilkan perubahan yang dikehendaki pada tingkah laku pelajar seperti mengadakan bidang pembelajaran yang baik di mana tidak dapat dihasilkan dengan mudah. Oleh itu untuk mendukung hasrat ini, asrama-asrama telah dibina untuk memberi tujuan kemudahan tempat tinggal bagi pelajar yang berdekatan ataupun bagi pelajar yang jauh terutamanya mereka yang datang dari keluarga yang pendapatan rendah dan sederhana.

Menurut Hussein (1993), terdapat tiga jenis asrama iaitu asrama di sekolah harian, asrama pusat dan asrama di sekolah berasrama penuh. Asrama di sekolah harian adalah khas untuk murid-murid sekolah itu dan sebahagian kecil sahaja pelajar dari kesemua pelajar sekolah itu yang tinggal di asrama. Asrama pusat pula adalah untuk keperluan bersama beberapa buah sekolah manakala asrama di sekolah asrama penuh adalah untuk menempatkan seluruh pelajar sekolah itu di asrama.

Pelajar-pelajar asrama banyak menikmati kemudahan-kemudahan seperti tempat tinggal yang selesa, ruangan pembelajaran yang sempurna dan kemudahan beriadah yang lengkap. Pelbagai pembudayaan asrama diterapkan kepada setiap pelajar bagi melahirkan individu yang berdikari, berakhlak mulia, berilmu dan berketerampilan dengan bantuan para guru dan warden asrama. Program-program peningkatan seperti ceramah-ceramah keagamaan dan kursus-kursus motivasi turut dijalankan di asrama dari masa ke semasa. Dengan ini pelajar seharusnya menggunakan peluang tinggal di asrama dengan semaksimum mungkin dalam mencapai wawasan kecemerlangan akademik mereka kelak.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Asrama di sekolah berasrama penuh menempatkan murid pilihan yang terdiri dari golongan pelajar yang telah menunjukkan pencapaian akademik cemerlang. Manakala asrama sekolah harian biasanya dihuni oleh pelajar-pelajar yang tinggal jauh dari sekolah dan mempunyai masalah pengangkutan untuk pergi ke sekolah maka mereka ditempatkan di asrama. Terdapat juga sekolah harian yang menyediakan asrama bagi menempatkan atlet-atlet sekolah mereka dengan bertujuan memudahkan mereka menjalani latihan-latihan sukan di sekolah.

Kecemerlangan yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar yang menghuni asrama di sekolah berasrama penuh memang tidak perlu disangkal lagi kerana pelajar-pelajar di situ memang terdiri dari mereka yang memperolehi keputusan cemerlang dalam peperiksaan sehingga melayakkan mereka menetap di situ. Namun pelajar-pelajar yang menetap di sekolah asrama harian juga mempunyai prestasi yang cemerlang dalam akademik mereka walaupun mereka bukanlah terdiri daripada pelajar-pelajar yang cemerlang sebelum memasuki asrama. Kajian ini dilakukan bagi menfokuskan tentang faktor penyumbang utama kecemerlangan pelajar-pelajar asrama sekolah harian biasa. Secara dasarnya terdapat beberapa faktor yang dikesan mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar antaranya ialah faktor sikap pelajar, motivasi, rakan sebaya dan program pembelajaran asrama.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

- i. Mengenalpasti kaitan faktor sikap dengan kecemerlangan akademik pelajar asrama harian
- ii. Mengenalpasti kaitan faktor motivasi dengan kecemerlangan akademik pelajar asrama harian
- iii. Mengenalpasti kaitan faktor rakan sebaya dengan kecemerlangan akademik pelajar asrama harian
- iv. Mengenalpasti kaitan program pembelajaran asrama dengan kecemerlangan akademik pelajar asrama harian.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

- i. Mencetuskan idea kepada pengurusan asrama serta pihak sekolah untuk mengambil langkah seterusnya bagi meningkatkan tahap pencapaian pelajar asrama yang sedia ada kepada tahap yang lebih baik.
- ii. Memberi panduan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Johor untuk mengambil langkah sewajarnya bagi meneruskan kecemerlangan pelajar asrama harian.
- iii. Memberi input berguna kepada Kementerian Pelajaran Malaysia bagi merangka dasar ataupun program-program tertentu untuk kepentingan pelajar asrama harian.
- iv. Membantu pihak pentadbir asrama untuk mempertingkatkan lagi kemudahan dan keselesaan suasana pembelajaran di asrama.

- v. Mendorong pelajar untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka selepas mengetahui faktor-faktor yang dapat menyumbang kecemerlangan mereka.

### **BATASAN KAJIAN**

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengesan kaitan antara faktor penyumbang dengan kecemerlangan pelajar asrama harian. Maka kajian yang dijalankan ini terbatas kepada empat buah sekolah menengah harian yang menyediakan asrama untuk pelajar-pelajarnya iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Sultan Ibrahim, Sekolah Menengah Kebangsaan Tasek Utara, Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ismail dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abu Bakar sahaja.

Sampel-sampel adalah terdiri daripada pelajar-pelajar asrama tingkatan 4 sekolah berkenaan yang telah dikenalpasti memperolehi prestasi yang cemerlang dalam peperiksaan pertengahan tahun iaitu purata markah peperiksaan di atas 70%. Kajian ini juga hanya menfokuskan kepada beberapa pemboleh ubah sahaja iaitu faktor sikap, motivasi, rakan sebaya dan program pembelajaran asrama.

### **REKA BENTUK KAJIAN**

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Menurut Mohd Majid (1990), kajian deskriptif dilakukan bagi menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku dengan menganalisis data yang diperolehi melalui instrumen yang tertentu seperti soal selidik atau media-media lain. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Dalam kajian ini satu set soal selidik digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian daripada responden. Kajian yang dijalankan adalah untuk mengumpulkan maklumat tentang kaitan faktor sikap, motivasi, rakan sebaya dan program pembelajaran asrama dengan kecemerlangan akademik pelajar asrama harian.

### **SAMPEL KAJIAN**

Jadual 1 : Taburan Pelajar-Pelajar Asrama Mengikut Sekolah

<b>Bil.</b>	<b>Nama Sekolah</b>	<b>Jumlah Pelajar</b>
1.	Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Sultan Ibrahim	20 orang
2.	Sekolah Menengah Kebangsaan Tasek Utara	16 orang
3.	Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ismail	16 orang
4.	Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abu Bakar	9 orang
<b>Jumlah keseluruhan</b>		<b>61 orang</b>

### **TEMPAT KAJIAN**

Kajian ini dijalankan ke atas pelajar asrama tingkatan 4 di empat buah sekolah menengah di daerah Johor Bahru. Sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Sultan

Ibrahim, Sekolah Menengah Kebangsaan Tasek Utara, Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ismail dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abu Bakar. Rasional pemilihan sekolah-sekolah ini adalah kerana dikategorikan sebagai sekolah menengah harian yang terletak dalam daerah Johor Bahru dan menyediakan kemudahan asrama kepada pelajar-pelajar.

## **INSTRUMEN KAJIAN**

Instrumen yang digunakan adalah berbentuk borang soal selidik yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B seperti di dalam Lampiran A. Bahagian A adalah soalan-soalan yang berkaitan dengan maklumat diri responden seperti jantina, pencapaian PMR dan jangkamasa pelajar tinggal di asrama. Bahagian B pula terdiri soalan yang dibentuk untuk mengenalpasti kaitan faktor penyumbang dengan kecemerlangan akademik pelajar. Jawapan kepada soal selidik bahagian B menggunakan Skala Likert yang mengandungi lima aras iaitu sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), kurang setuju (KS), setuju (S) dan sangat setuju (SS).

## **ANALISIS DATA**

Hasil dapatan mendapati masih ada pelajar yang mempunyai sikap negatif dalam pembelajaran mereka iaitu mereka malas bertanya guru jika kurang paham dalam pelajaran (min 3.43). Pelajar bersikap angkuh, malas dan malu untuk bertanya kepada guru jika menghadapi masalah dalam pemahaman mereka dalam pelajaran. Menurut Noran Fauziah (1991) dalam pembelajaran, sikap memainkan peranan yang penting ke arah kejayaan seseorang pelajar. Mereka yang bersikap positif selalunya akan mencapai kejayaan manakala pelajar yang bersikap negatif selalunya akan menemui kegagalan dalam pelajaran. Sikap negatif ini mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran tetapi ini jelas sekali akan memberi kesan yang kurang baik terhadap pelajar. Oleh itu sikap negatif seperti malas belajar, malu bertanya, bersikap angkuh dan lain-lain lagi tidak seharusnya diamalkan oleh pelajar kerana ia akan membuat seseorang itu gagal.

Pelajar didapati tetap bersemangat untuk belajar walaupun mengalami kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan rakan-rakan di asrama (min 3.97) menunjukkan bahawa hanya 78.7% sahaja pelajar yang tetap bersemangat untuk belajar walaupun sukar menyesuaikan diri dengan rakan sebaya di asrama. Manakala selebihnya hilang semangat apabila berdepan dengan masalah sebegini. Menurut Ee (1995), motivasi ekstrinsik adalah hal dan keadaan yang datang dari luar individu. Apabila pelajar berdepan dengan masalah menyesuaikan diri dengan rakan-rakan lain di asrama, ini bermakna pelajar mendapat motivasi yang rendah dari rakan-rakan. Maka kekurangan atau ketiadaan motivasi bersifat eksternal menyebabkan pelajar kurang bersemangat untuk melakukan proses pembelajaran di asrama.

Hasil dapatan menunjukkan bahawa kuliah-kuliah agama yang diadakan di asrama banyak memberi keinsafan kepada pelajar supaya sedar akan tanggungjawab sebagai seorang pelajar (min 4.20). Hasil kajian mendapati masih ada pelajar yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan di asrama yang mana mereka perlu belajar secara beramai-ramai di dewan belajar (min 3.56).

Hasil analisis menunjukkan faktor sikap, motivasi, rakan sebaya dan program pembelajaran asrama mempunyai kaitan yang tinggi dengan kecemerlangan akademik pelajar asrama harian. Faktor motivasi paling mempunyai kaitan yang tinggi dengan kecemerlangan akademik para pelajar asrama (min 4.18). Manakala program pembelajaran asrama (min 3.93) menunjukkan min yang paling rendah berbanding faktor-faktor lain tetapi tetap menunjukkan kaitan yang tinggi dengan kecemerlangan akademik pelajar asrama harian. Segala kemudahan yang disediakan di asrama

beserta pengurusan program yang berkesan ditambah dengan pelbagai program-program khas yang dianjurkan di asrama sebenarnya secara tidak langsung membantu dalam pencapaian pelajar dalam pembelajarannya.

## **RUMUSAN**

Melalui penganalisan data dan perbincangan mengenai hasil dapatan dapat dirumuskan bahawa faktor sikap mempunyai kaitan yang tinggi dengan kecemerlangan akademik pelajar asrama harian (min 4.13). Dapatan ini menunjukkan pelajar asrama harian mempunyai sikap yang positif terhadap usaha mereka dalam pelajaran. Antara sikap-sikap positif yang wujud dalam diri pelajar asrama harian ini ialah mereka rajin, tekun, berusaha tinggi, bersemangat tinggi dan tidak mudah berputus asa dalam pembelajaran mereka. Mereka juga mempunyai kesedaran yang tinggi untuk memperoleh prestasi akademik yang cemerlang.

Faktor motivasi menunjukkan kaitan yang paling tinggi dengan kecemerlangan akademik pelajar asrama harian (min 4.18). Ini menunjukkan pelajar-pelajar mempunyai motivasi yang tinggi untuk belajar. Setiap pelajar mempunyai matlamat, impian dan cita-cita yang tinggi untuk memperolehi kecemerlangan dalam akademik mereka. Selain daripada motivasi yang wujud dalam diri mereka, mereka juga memperolehi motivasi dari luar iaitu motivasi ekstrinsik daripada ibu bapa, warden asrama, rakan sebaya dan senior-senior mereka yang telah berjaya. Motivasi ekstrinsik juga dapat menolong pelajar untuk belajar. Justeru, motivasi memang memainkan peranan penting dalam memastikan kecemerlangan seseorang pelajar.

Hasil analisis juga mendapati faktor rakan sebaya menunjukkan kaitan yang tinggi dengan kecemerlangan akademik pelajar asrama harian (min 4.05). Di dapati pelajar dipengaruhi oleh rakan-rakan mereka dari segi sikap dan cara belajar. Pelajar yang mempunyai rakan sebaya yang rajin belajar akan mendorong mereka untuk memperkembangan intelek dan potensi ke tahap optimum. Persamaan dari cara-cara dan nilai rakan sebaya banyak mempengaruhi perkembangan pembelajaran seseorang individu. Pelajar dan rakan sebaya sentiasa bekerjasama ketika berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran untuk bersama memperolehi kecemerlangan dalam akademik.

Berdasarkan hasil analisis di dapati program pembelajaran asrama menunjukkan kaitan yang tinggi dengan kecemerlangan akademik pelajar asrama harian (min 3.93). Walaupun begitu terdapat juga beberapa kelemahan dalam aspek-aspek program pembelajaran yang perlu diambil perhatian. Dari segi kesesuaian jadual waktu belajar di asrama di dapati pelajar di asrama dapat belajar pada waktu-waktu yang diperuntukkan ini dengan selesa tetapi terdapat sebahagian sahaja pelajar (59.0 %) yang dapat dapat mematuhi jadual ini dengan baik. Hampir separuh (52.5%) sahaja daripada pelajar menyatakan bahawa mereka dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran walaupun belajar secara beramai-ramai. Dari segi program khas yang dijalankan oleh pentadbir asrama menunjukkan kesan yang positif dengan kecemerlangan akademik pelajar.

## **RUJUKAN**

- Amir Awang (1986). *Teori-Teori Pembelajaran*. Petaling Jaya: Fajar Bakti. Atan Long (1988). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusuf Boon, Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Pts Professional Publishing Sdn Bhd.

- Brehm, C.B. (1960). *A Theory of Psychological Reactance*. New York: Academic Production.
- Crow and Crow (1983). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hussein Ahmad (1993). *Pendidikan dan Masyarakat Antara Dasar Reformasi Dan Wawasan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jabatan Pendidikan Negeri Kedah (1998). *Program Asrama Lima Bintang*. Jabatan Pendidikan Negeri Kedah. Tidak diterbitkan.
- Kamarudin Husin (1989). *Pedagogi 3*. Petaling Jaya: Longman.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1980). *Buku Panduan Untuk Guru Asrama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lee, Shok Mee (1997). *Psikologi Pendidikan 2*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Mahathir Mohamad, Y.A.B Dato' Seri Dr., (1988). *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Kerajaan (7hb. November 1979)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Marguerite G. Lodico, Dean T. Spaulding, Katherine H. Voegtle (2006). *Methods In Educational Research*. Jossey-Bass, John Willey & Sons, Inc. 156-169.
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Azis Nik Pa (1994). *Penghayatan Wawasan Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Noran Fauziah Yaakub (1991). *Sikap Pelajar UUM Terhadap Gerak Kerja Ko- kurikulum*. Seminar Kebangsaan Mengenai Ko-kurikulum: 18-20 Ogos 1985.
- Salmiah Husain (2003). *Persepsi Pelajar Terhadap Aspek-aspek Penempatan di Asrama dan Hubungan Dengan Pencapaian Akademik Pelajar: Satu Tinjauan ke Atas Sekolah Menengah Teknik Pasir Mas*. Kajian Kes Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional. Fakulti Pendidikan Teknikal. KUiTTTHO: Batu Pahat.